

# UMK RESEARCH

## infolink



## UMK TUAN RUMAH

### PERSIDANGAN DAN EKSPLO CIPTAAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ANTARABANGSA (PECIPTA'22)



UMK tersenarai dalam  
**Times Higher Education (THE)  
World University Ranking**  
pada kedudukan  
**1201-1500**



# SIDANG REDAKSI

---

## **PENASIHAT**

Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah

## **EDITOR BERSEKUTU**

Prof. Ir. Dr. Julie Juliewatty Binti Mohamed  
Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal Bin Wan Ismail  
Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Hery Bin Ibrahim  
Chm. Ts. Dr. Abdul Hafidz Bin Yusoff  
Ts. Dr. Maryana Binti Mohamad Nor  
Ts. Dr. Sharizal Bin Ahmad Sobri  
Dr. Muhammad Akmal Bin Remli  
Dr. Ch'ng Huck Ywih  
Encik Mohd Aswawi Bin Isa

## **EDITOR**

YM. Raja Azlan Bin Raja Ismail

## **AHLI**

Encik Muhamad Hafizuddin Bin Mat Nawi  
Cik Nur Athirah Binti Mat Yusoff  
Encik Mohd Faisal Bin Mohd Azalan  
Puan Eiap Coon Choon  
Encik Syed Ahmad Afiq Hasif Bin Syed Ab Rahman  
Puan Noorafnie Edura Binti Ab Manaf  
Encik Ahmad Shazry Bin Supi  
Encik Mohamad Sa'arani Bin Mhd Zin  
Encik Norzie Haslizam Bin Mat Hassan  
Puan Wan Nurshahidatul Fatihah Binti Wan Lamli  
Puan Suzana Binti Shari  
Puan Nur Rosamimie Farisa Binti Mohd Roslan

## **PEREKA**

Cik Aniya Dhaifina Binti Abdul Hadi

# KANDUNGAN

---

- 04** SECRET KATA TNCPI
- 05** PEJABAT TNCPI
- 16** PENYELIDIKAN
- 17** PENERBITAN DAN PENARAFAN
- 19** KOMERSIALAN DAN HARTA INTELEK
- 20** JARINGAN INDUSTRI
- 22** AGRO TECHNO PARK
- 24** CREATIVE TECHNO PARK
- 25** PUSAT KECEMERLANGAN AIBIG
- 27** PUSAT KECEMERLANGAN INSPEK
- 29** PUSAT KECEMERLANGAN IFSSA

## *Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,*

Alhamdulillah, syabas dan tahniah diucapkan kepada sidang penyunting UMK Research Infolink atas segala usaha baik yang diberikan bagi menghasilkan buletin edisi Ke-23 atau edisi terakhir bagi tahun 2022.

Suku terakhir 2022 (Oktober - Disember 2022) mencatatkan memori indah kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) apabila buat pertama kalinya menganjurkan Persidangan Dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa Tahun 2022 (PECIPTA'22) Kali Ke 11 secara hibrid iaitu fizikal dan maya. PECIPTA'22 melibatkan penyertaan sebanyak 433 projek penyelidikan dan inovasi dari 20 Universiti Awam (UA), termasuk politeknik dan kolej komuniti dan 23 universiti swasta. Justeru, penganjuran PECIPTA diharapkan dapat meningkatkan kesedaran tentang keperluan dan kepentingan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi dalam kalangan masyarakat dan industri.

Selain itu, kecemerlangan dan keunggulan terserlah apabila Universiti Malaysia Kelantan mencatat sejarah tersendiri buat julung-julung kalinya disenaraikan di Times Higher Education (THE) World University Ranking 2023 yang telah diumumkan keputusannya di New York, Amerika Syarikat. Tahniah kepada UMK yang kini berada di kedudukan 1201-1500 daripada 1799 institusi pengajian tinggi dunia dan kedudukan ke 15 daripada 22 universiti di Malaysia. UMK juga merupakan universiti terbaik di Asia apabila berada di kedudukan 601-650 dalam QS World University Rankings: Asia 2023 yang diterbitkan oleh Quacquarelli Symonds (QS).

Akhir kata, saya berdoa agar semua warga kerja Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) akan terus kekal bersemangat dalam melaksanakan tugas hakiki yang diamanahkan dan meneruskan gerak kerja ke arah lebih cemerlang. Tidak lupa juga kepada seluruh warga penyelidik UMK dalam usaha mempertingkatkan lagi pencapaian dan kreadibiliti masing-masing bagi menjayakan agenda penyelidikan dan inovasi dalam apa jua situasi akan datang.

*Sekian, terima kasih.*

**Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah**  
**Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)**  
**Universiti Malaysia Kelantan**



# MESYUARAT JAWATANKUASA TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) BIL.65/2022



29 SEPTEMBER 2022 | Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMK telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bil.65/2022 yang diadakan di Bilik Mesyuarat Senat, UMK Bachok.



## PRA-BENGGKEL PERANCANGAN STRATEGIK HALA TUJU PENYELIDIKAN UA 2022

29 - 30 SEPTEMBER 2022 | Pra-Bengkel Perancangan Strategik Hala Tuju Penyelidikan UA 2022 telah diadakan di Hotel Perdana, Kota Bharu. Program ini dihadiri oleh Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Pengarah RMIC & RMC Universiti Awam Malaysia.



## UMK TERIMA GERAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERJUMLAH RM8.9 JUTA PADA TAHUN 2022, TERBIT 600 PENERBITAN JURNAL BERINDEKS DAN PENGIKTIRAFAN DIPERINGKAT GLOBAL

27 OKTOBER 2022 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) setakat ini telah berjaya memperoleh RM8.9 juta dana geran penyelidikan dan inovasi pada tahun 2022 menerusi pelbagai peruntukan dari kerajaan, industri dan pihak antarabangsa. Naib Canselor UMK, Prof. Dr. Razli Che Razak berkata, UMK telah mensasarkan jumlah dana geran penyelidikan sebanyak RM 8.5 juta ringgit setakat ini dan telah mencapai sasaran malah melebihi daripada sasaran yang ditetapkan.

UMK telah menerima pelbagai geran antarabangsa pada tahun ini dan penerimaan geran antarabangsa ini membuktikan bahawa penyelidik - penyelidik UMK setanding dengan penyelidik - penyelidik diperingkat antarabangsa. Penerimaan geran-geran antarabangsa ini telah menyumbang kepada markah yang besar dalam pelbagai program penarafan seperti Malaysia Research Assessment (MyRA), QS World University Rankings, Times Higher Education (THE) dan sebagainya.

“Peningkatan jumlah geran ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif, skim, polisi dan garis panduan yang diperkenalkan di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi), antaranya ialah Skim Geran Padanan Antarabangsa - International Matching Grant (UMK MATCH) yang telah menarik pemberi dana antarabangsa.

“Ini termasuk Skim Insentif Potongan Cukai 2 kali (DTD) yang telah menarik pemberi-pemberi dana daripada industri menyumbang dana kepada penyelidik UMK.

“Selain itu, UMK turut memperkenalkan skim geran baharu seperti Prototype Research Grant (UMK-PRO) dan Community Research Grant (UMK-COM). Ini termasuk Skim Geran UMK NICE (Non Academician Research for Innovation and Commercialization) yang diperkenalkan kepada staf pentadbiran.

“Inisiatif ini telah menarik pemberi dana luar memberi dana kepada staf pentadbir UMK menjalankan projek-projek inovasi,” katanya pada Majlis Penghargaan Penyelidikan Dan Inovasi UMK, di UMK Bachok, hari ini.

Prof. Dr. Razli berkata, UMK juga turut

mewujudkan Entiti Penyelidikan Baharu di bawah sembilan (9) strategi inisiatif Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPi)



yang telah menghasilkan banyak Kumpulan dan Pusat Penyelidikan baharu di UMK seperti Gold Rare Earth and Material Technopreneurship Centre (GREAT), UMK Tropical Rainforest Research Centre (TRACE), ANGKASA-UMK Research Academy (AURA) dan PEMIKIR.

“Pusat penyelidikan ini bergiat aktif mencari dana luar yang bersesuaian dengan niche penyelidikan masing masing. UMK juga membangunkan Garis Panduan Geran Penyelidikan Kontrak yang diperkenalkan sebagai panduan kepada pihak industri dalam memberi dana kepada pihak UMK,” katanya.

Sementara itu, Prof. Dr. Razli berkata, UMK juga telah menunjukkan peningkatan yang amat ketara dalam bidang penerbitan dimana sebanyak lebih 600 penerbitan jurnal berindek dihasilkan pada tahun ini.



“Ini adalah hasil tumpuan yang diberikan menerusi insentif penerbitan jurnal dimana ia diperkenalkan bagi memberi motivasi kepada penyelidik UMK menerbitkan penerbitan dalam jurnal berindek SCOPUS dan Web of Sains (WoS).

“Pihak TNCPI juga mengambil inisiatif memperkenalkan insentif pembayaran jurnal iaitu untuk membantu penyelidik membayar yuran kepada jurnal antrabangsa yang berimpak tinggi. “Skim Post Doktorat penyelidikan telah memberikan output penerbitan yang banyak kepada UMK dan penubuhan UMK Rising Star

telah berjaya melahirkan lapisan kepimpinan akademik baharu terutamanya dari sudut penyelidikan,” katanya.

Tambah beliau, pihak Universiti juga memperkenalkan Skim Insentif penerbitan popular kepada penyelidik yang menghasilkan penerbitan berimpak tinggi.

“Pada tahun ini juga, UMK telah menunjukkan peningkatan yang cemerlang dalam bidang pengkomersialan dan keusahawanan iaitu bagi harta intelek, sebanyak empat (4) paten dan satu (1) utility innovation telah berjaya mendapat status granted.

“Ini merupakan sebahagian kecil dari jumlah besar di mana 203 hakcipta, 21 rekabentuk industri, 42 paten dan 34 cap dagangan telah difailkan sejak awal penubuhan UMK,” katanya. Dalam merencanakan lagi aktiviti pengkomersialan universiti, Prof. Dr. Razli memaklumkan UMK telah memperkenalkan pelbagai insentif sejak 2020, antaranya ialah Polisi dan Prosedur Perundingan UMK.

Katanya, polisi dan prosedur ini bertujuan memberi panduan kepada staf UMK yang memberikan perkhidmatan kepakaran atau kemahiran kepada yang memerlukan, sama ada dengan mendapat bayaran atau tanpa bayaran.

“Keduanya ialah Polisi dan Garis Panduan Penubuhan Dan Pemantauan Syarikat Hiliran Dan Syarikat Terbitan UMK untuk membenarkan staf UMK menubuhkan syarikat hiliran atau/ dan syarikat terbitan dalam bentuk syarikat persendirian seperti yang termaktub di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777), dan tertakluk kepada syarat-syarat dalam Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

“Seterusnya, UMK juga telah mewujudkan Garis Panduan Komersialan dan Harta Intelek yang bertujuan mewujudkan rangka kerja bersama untuk mengawal selia pemilikan dan pengurusan Harta Intelek daripada aktiviti penciptaan, perlindungan, inovasi, eksploitasi dan pemindahan teknologi yang dijalankan oleh kakitangan dan/atau pelajar Universiti Malaysia Kelantan,” katanya.

## PROGRAM KEJURUTERAAN DAN SAINS FIZIKAL UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DIIKTIRAF DUNIA

27 OKTOBER 2022 | Program Kejuruteraan dan Sains Fizikal, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tersenarai antara program terbaik di dunia berdasarkan penarafan Times Higher Education (THE) World University Ranking by Subject 2023.

Subjek kejuruteraan berada pada kelompok 801-1000 terbaik dunia daripada 1306 universiti. Manakala subjek sains fizikal pula di kelompok 801-1000 daripada 1307.

Naib Canselor UMK, Prof. Dr. Razli Che Razak berkata, pencapaian ini berdasarkan kejayaan UMK tersenarai dalam Times Higher Education (THE) World University Ranking 2023 di kedudukan 1201-1500 yang diumumkan pada 12 Oktober 2022.

Beliau berkata, kaedah penilaian bagi subjek Sains Fizikal, dinilai berdasarkan beberapa indikator merentasi disiplin akademik iaitu Teaching: the learning environment (27.5 peratus), Research: volume, income and reputation (27.5 peratus), Citations: research influence (35 peratus), International outlook: staff, students and research (7.5 peratus) dan Industry income: innovation (2.5 peratus).

“Manakala subjek Kejuruteraan, dalam Teaching: the learning environment (30 peratus), Research: volume, income and reputation (30 peratus), Citations: research influence (27.5 peratus), International outlook: staff, students and research (7.5 peratus) dan Industry income: innovation (2.5 peratus),” katanya pada Majlis



Penghargaan Penyelidikan dan Inovasi 2022 yang diadakan di Auditorium, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, UMK Bachok, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Nik Maheran Nik Mohamad, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohammad Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah, Pendaftar UMK, Encik Khairul Eruwan Abdul Halim dan Penasihat Undang-Undang UMK, Pn. Noraini Idris.

Prof. Dr. Razli berkata, pencapaian tahun ini memperlihatkan reputasi akademik bagi kedua-dua subjek itu adalah hasil komitmen dan kesungguhan warga UMK khususnya Dekan dan tenaga kerja subjek kejuruteraan di Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT) dan subjek Sains Fizikal di Fakulti Sains Bumi (FSB). Katanya, penghargaan dan terima kasih kepada staf akademik, staf pentadbiran dan sokongan serta pelajar atas komitmen dalam

memastikan UMK terus dikenali di persada antarabangsa.

“Justeru, kejayaan ini merupakan inisiatif UMK dalam memperkasakan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, penerbitan dan terus menerus meningkatkan keternampakan UMK di persada antarabangsa.

“Ini membuktikan Tekad dan Iltizam UMK sentiasa kukuh untuk terus melahirkan graduan yang berciri global, menepati keperluan majikan dan sekaligus mengangkat pelajar UMK ke taraf lebih baik,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Penerbitan Dan Penarafan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Hery Ibrahim berkata, melalui kejayaan ini akan menjadikan UMK juga destinasi pilihan kepada pelajar antarabangsa sejajar dengan Pelan Strategik UMK 2021-2025 dan menyokong aspirasi kerajaan untuk mencapai 250,000 pelajar antarabangsa menjelang 2025.

Katanya, UMK akan menganalisis instrumen dan metodologi yang digunapakai untuk memperbaiki prestasi dan memenuhi jurang yang ada.

“Selain itu, berprestasi baik dalam mana-mana rankings dan metric-based performance juga baik untuk meningkatkan motivasi pasukan, dalam konteks ini seluruh organisasi UMK untuk memberi yang Terbaik kepada kesemua pemegang taruhnya,” katanya.



# THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS (MBOR) IKTIRAF UMK "MOST WAU BATIK COLORING EVENT", BERJAYA CATAT PENYERTAAN TERBANYAK MELIBATKAN 550 PESERTA



2 NOVEMBER 2022 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBoR) atas pencapaian Program Mewarna Wau Batik Terbanyak, melibatkan 550 pelajar dalam tempoh satu jam.

Sijil Pengiktirafan MBoR itu telah disampaikan oleh Perunding Kanan (Rekod) MBoR, Puan Siti Hajar binti Johor kepada Naib Canselor UMK, Prof. Dr. Razli Che Razak, di Foyer Bangunan Canselori, UMK Bachok, hari ini.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohammad Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Arham Abdullah dan Pengarah Pusat Kebudayaan, Dr. Wan Mohd Nazdrol Wan Mohd Nasir.

Menurut Prof. Dr. Razli, program MBoR Most Wau Batik Coloring Event ini merupakan salah satu pengisian sempena Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2022, dimana UMK telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Pengiktirafan MBOR ini sangat bermakna kerana ini adalah ciptaan rekod kali kedua bagi Pusat Kebudayaan UMK di mana kali pertama adalah Largest Mengadap Rebab Performance pada tahun 2014.

"UMK mahu mencipta lebih banyak program yang

boleh disenaraikan dalam MBoR khususnya berkaitan dengan seni warisan dan kebudayaan Negeri Kelantan," katanya.

Beliau berkata, program itu bukan sekadar menyajikan satu kelainan tetapi usaha oleh UMK dalam memartabatkan seni kebudayaan tradisional melalui budaya dan warisan.

"Penyertaan program MBoR pada kali ini melibatkan 550 pelajar dari pelbagai institusi pengajian seperti Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan, Kolej Vokasional dan Institut Perguruan.

"Pemilihan wau bulan ini juga adalah sinonim dengan rakyat Negeri Kelantan dimana wau bulan turut diabadikan oleh Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan juga pengeluaran wang syiling 50 sen berlatarkan wau bulan.

"Wau bulan merupakan lambang kepada budaya dan identiti rakyat Kelantan," katanya.

Prof. Dr. Razli berkata, lebih menariknya inovasi terhadap wau jenis wau bulan bersaiz A4 dengan diwarnakan oleh pelajar dengan kaedah mencanting batik dalam tempoh satu jam sahaja. "Aktiviti ini adalah satu pendedahan yang cukup berharga buat pelajar sebagai generasi muda untuk mendedahkan mereka tentang seni dan warisan Negeri Kelantan selain penghargaan terhadap jati diri masing masing.



## 433 PROJEK HASIL PENYELIDIKAN, KREATIVITI DAN INOVASI PECIPTA 2022 DIPAMERKAN BAGI MENGUBAH MASA DEPAN MALAYSIA YANG LEBIH MAMPAN DAN BERDAYA MAJU



2-3 NOVEMBER 2022 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK), buat pertama kalinya menganjurkan Persidangan Dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa Tahun 2022 (PECIPTA'22) Kali Ke 11 secara hibrid iaitu secara fizikal dan maya.

PECIPTA 2022 melibatkan penyertaan sebanyak 433 projek penyelidikan dan inovasi dari 20 Universiti Awam (UA), termasuk politeknik dan kolej komuniti dan 23 universiti swasta.

Selain itu, penyertaan pelajar sekolah serta libatsama pihak industri dan agensi kerajaan serta aktiviti pitching menjadi penanda aras dalam usaha meningkatkan potensi pengkomersialan produk dan teknologi yang diperkenalkan oleh para penyelidik.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Dan Pembangunan) Kementerian Pengajian Tinggi, Dr. Mohd Zabri Yusoff berkata, PECIPTA'22 bertemakan "Inovasi, Kreativiti, Teknologi, Keusahawanan dan Masyarakat" bermatlamatkan untuk memperkasakan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D dan C&I) yang akan memainkan peranan penting dalam memupuk inovasi dan mempercepat pembangunan sosioekonomi bagi mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Beliau menyifatkan penganjuran PECIPTA secara dwi tahunan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sejak tahun 2001 adalah selari dengan hasrat kerajaan Malaysia untuk menjadi negara 20 teratas dalam pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi.

"Pada pembentangan Bajet 2023 yang bertemakan Keluarga Malaysia, Makmur

Bersama, turut dinyatakan bahawa bagi menyokong syarikat pemula dalam agenda kelestarian dan perusahaan sosial, kerajaan akan menyediakan dana Malaysia Coinvestment Fund (MyCIF) sebanyak 30 juta ringgit sebagai tambahan kepada dana ECF (equity crowdfunding).

"Justeru itu, penganjuran PECIPTA secara berterusan adalah sangat penting agar kesinambungan program dan aktiviti inovasi dan penyelidikan dapat dijalankan, seterusnya memberi impak dan momentum yang baik ke arah merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju," katanya pada Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah PECIPTA'22, di Dewan Tuanku Canselor (DTC), UMK Bachok, pada 3 November 2022.

Turut hadir, Naib Canselor UMK, Prof. Dr. Razli Che Razak, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohammad Ismail, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Arham Abdullah dan Pengarah Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT, Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Shahiron Shahidan.

Sementara itu, Prof. Ts. Dr. Arham berkata, PECIPTA diharapkan akan dapat meningkatkan kesedaran tentang keperluan dan kepentingan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi dalam kalangan masyarakat dan industri.



Katanya, PECIPTA pada kali ini ini membawa kelainan melalui inisiatif kolaborasi bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dengan agensi di bawahnya iaitu Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), MRANTI, Cradle dan MTDC.

“Bukan sahaja MOSTI, kerjasama erat bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), dalam melibatkan industri-industri yang relevan dengan projek inovasi yang dipertandingkan, dan juga penglibatan TERAJU. “Bersesuaian dengan tema PECIPTA kali ini, iaitu Inovasi, Kreativiti, Teknologi, Keusahawanan dan Masyarakat, projek-projek yang diketengahkan adalah bertepatan dengan tema, dan juga selari dengan MYSTIE 10:10, yang menjurus ke arah teknologi yang boleh diadaptasi oleh masyarakat dan juga industri,” katanya.

Tambah beliau, melalui pembudayaan keusahawanan pula, bertepatan dengan hasrat kerajaan, iaitu 20 juta ringgit disediakan bagi melaksanakan Program Usahawan Siswazah (PUSH) untuk memanfaatkan 1,000 graduan menceburi bidang keusahawanan.

Katanya, projek-projek inovasi yang dihasilkan di universiti perlu seiring dengan penubuhan syarikat pelajar untuk merealisasikan pengkomersialan projek tersebut, yang sekaligus akan menghasilkan usahawan pelajar. Dalam program PECIPTA kali ini, antara inisiatif yang diketengahkan adalah jualan produk-produk



daripada usahawan pelajar.

Selain pertandingan dan pameran, turut diadakan pitching dan simposium panel pakar dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura dan Malaysia.



## UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) TERSENARAI DI QS WORLD UNIVERSITY RANKING ASIA 2023, CATAT REKOD ANTARA UNIVERSITI TERBAIK DI ASIA



22 NOVEMBER 2022 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tersenarai antara universiti terbaik di Asia apabila berada di kedudukan 601-650 dalam QS World University Rankings: Asia 2023 yang diterbitkan oleh Quacquarelli Symonds (QS), baru-baru ini.

Universiti turut menunjukkan peningkatan memberangsangkan dalam kalangan universiti penyelidikan di Asia Tenggara apabila mencatatkan tempat di kedudukan ke 93.

Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak berkata, ini menunjukkan peningkatan dari 81 kepada 79 peratus teratas berbanding QS World University Rankings: Asia 2022.

Katanya, merujuk kepada pencapaian dalam QS World University Rankings: Asia 2023, UMK dinilai di peringkat antarabangsa pada kedudukan 262 bagi Staf Antarabangsa dan bagi penilaian staf dengan PhD pula berada pada kedudukan 294 di Asia.

"Pencapaian ini membuktikan bahawa UMK mempunyai staf yang kompeten dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan yang berimpak dan sentiasa memberi fokus kepada pelbagai aspek sains, teknologi dan juga keusahawanan selaras dengan tanggungjawab universiti iaitu Universiti Untuk Masyarakat.

"Ini secara tidak langsung menjadikan UMK sebagai sebuah institusi pilihan untuk melanjutkan pengajian terutamanya bagi pelajar antarabangsa dan sebagai penanda aras bagi

UMK mengkaji serta memperbaiki pencapaian universiti dari pelbagai perspektif," katanya.

Prof. Dato' Dr. Razli berbangga kerana pencapaian itu adalah hasil dari pelaksanaan perancangan strategik dan hala tuju UMK dalam aspek akademik, penyelidikan, pengantarabangsaan dan pentadbiran.

Katanya, UMK akan terus bergerak maju sebagai pemain global bagi mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan serta berada pada landasan terbaik sebagai universiti berfokus dalam memperkasa bidang keusahawanan di negara ini.

"UMK akan terus meningkatkan prestasi dan amalan terbaik bagi memperkasa bidang pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan bertaraf dunia dalam ekosistem teknologi dan keusahawanan dengan lebih kreatif juga inovatif yang dapat memanfaatkan masyarakat di negara ini.

"Pencapaian ini adalah bukti kejayaan kepada ekosistem RICES yang diperkenalkan pada tahun 2019 yang merangkumi aspek penyelidikan, inovasi, pengkomersialan, keusahawanan dan masyarakat," katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Penerbitan Dan Penarafan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) berkata, peningkatan jumlah pelajar antarabangsa yang memberangsangkan menjadi penyebab kepada pencapaian ini selain meningkatkan bilangan mobiliti pelajar dan staf antarabangsa.

Justeru, UMK akan meneruskan pelbagai inisiatif dengan memberikan fokus utama kepada kualiti dan impak penyelidikan di dalam bidang tujahan utama dan Sustainable Development Goals (SDG) melalui kolaborasi strategik bersama agensi kerajaan, industri dan rakan antarabangsa di samping inisiatif penjenamaan serta visibiliti universiti melalui pelbagai ekosistem ini.

"Penilaian QS World University Rankings: Asia 2023 dibuat berdasarkan kepada sebelas kriteria penilaian iaitu reputasi akademik, reputasi majikan, nisbah pelajar kepada fakulti, staf dengan PhD, nisbah sitansi kepada artikel, nisbah artikel kepada fakulti, jaringan penyelidikan antarabangsa, staf akademik antarabangsa, pelajar antarabangsa, dan pelajar pertukaran inbound serta outbound," katanya.



## MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PERSIDANGAN ANTARABANGSA UMMAH (ICU 2022)

5 DISEMBER 2022 | Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah menyempurnakan majlis perasmian penutup Persidangan Antarabangsa Ummah (ICU 2022) anjuran Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) di Auditorium Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu (PPI), UMK Bachok, Kelantan, hari ini.

Turut hadir, Dekan FBI, Dr. Burhan Bin Che Daud dan Pengarah ICU 2022, Dr. Noor Hisham Bin Md Nawi.

Persidangan bertemakan “Strengthening Humanity Values in Ummah Civilization of Digital Era” ini turut mendapat kerjasama dari Universitas Nahdlatul Ulama Surabaya (UNUSA), Princess of Naradhiwas University (PNU) Thailand, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM).



## MAJLIS APRESIASI PECIPTA'22



7 DISEMBER 2022 | Majlis Apresiasi Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa Tahun 2022 atau ringkasnya PECIPTA'22.

Program PECIPTA'22 telah berjaya diadakan pada 1-3 November 2022 bertempat di Dewan Tuanku Canselor (DTC) UMK Bachok dan secara platform maya.

Sebanyak 314 penyertaan daripada 20 universiti awam, 107 penyertaan daripada 23 universiti swasta dan 15 penyertaan daripada politeknik, kolej komuniti serta sekolah menjadikan keseluruhan penyertaan adalah sebanyak 436 buah projek.

## PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI ANJURAN JAWATANKUASA TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

16 DISEMBER 2022 | Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah menyertai program khidmat komuniti anjuran Jawatankuasa Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Awam Malaysia di Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul, Semporna, Sabah. Semasa program tersebut, Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah telah menyampaikan sumbangan berbentuk buku kepada Perpustakaan sekolah tersebut. Buku-buku berkenaan adalah hasil sumbangan warga kerja Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMK. Selain itu, sumbangan berbentuk kewangan juga turut disumbangkan bagi tujuan pembangunan akademik sekolah. Turut sama semasa program tersebut ialah Pengarah Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD) UMK, Prof. Ir. Ts. Dr. Julie Juliewatty Binti Mohamed.



# PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA STAF PEJABAT TNCPI YANG TERJEJAS BANJIR

21-22 DISEMBER 2022 | Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMK telah menyampaikan sumbangan kepada staf Pejabat TNCPI yang terjejas banjir antara 18-21 Disember 2022. Seramai lima (5) staf Pejabat TNCPI yang terjejas apabila rumah mereka telah dinaiki air dalam kejadian banjir tersebut. Selain itu, warga Pejabat TNCPI juga bersama-sama menyumbang tenaga membersihkan rumah Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal Bin Wan Ismail yang diturut dinaiki air.



## MAJLIS PENGHARGAAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI TAHUN 2022

27 OKTOBER 2022 | Seramai 32 orang penyelidik telah diraikan oleh Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi melalui Majlis Penghargaan Penyelidikan dan Inovasi Tahun 2022. Program ini telah diadakan di Auditorium, Pejabat Perpustakaan Dan Pengurusan Ilmu, UMK Bachok bagi meraikan kecemerlangan penyelidik-penyelidik di UMK dalam mendapatkan geran penyelidikan di peringkat kebangsaan, industri dan antarabangsa. Di Majlis ini, YBhg. Prof. Dato. Dr. Razli bin Che Razak, Naib Canselor UMK dengan diiringi oleh Prof. Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah menyampaikan sijil penghargaan kepada penerima geran penyelidikan, penerbit jurnal terbaik bulanan dan penyelidik yang berjaya memfailkan harta intelek (patent). Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada tahun 2022 telah berjaya memperolehi sebanyak RM9,227,146.53 juta dana geran penyelidikan dan inovasi menerusi pelbagai peruntukan dari kerajaan, industri dan pihak antarabangsa. Sehubungan itu, majlis ini diadakan bagi menghargai para penyelidik yang telah menyumbang masa dan tenaga dalam melaksanakan penyelidikan menerusi geran-geran yang diperolehi. Majlis ini juga dapat memberi suntikan semangat kepada penyelidik-penyelidik lain untuk terus menghantar proposal dan mendapatkan geran-geran yang ditawarkan oleh KPT, Agensi dan sebagainya.





# UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) TERSENARAI UNIVERSITI TERBAIK DI DUNIA, BERADA DI KEDUDUKAN 1201-1500 **TIMES HIGHER EDUCATION** **(THE) WORLD UNIVERSITY RANKING 2023**



13 OKTOBER 2022  
Sementara itu, UMK kini berada di kedudukan ke 15 daripada 22 universiti di Malaysia. Keputusan ini merupakan pencapaian julung-julung kalinya bagi UMK di peringkat antarabangsa sekali gus merekodkan pencapaian terbaik UMK dalam buat julung-julung sejarah antarabangsa. Pengiktirafan ini amat membanggakan dan membuktikan bahawa UMK telah berjaya meletakkan universiti di peringkat antarabangsa. "Merujuk kepada penarafan tersebut, UMK diukur berdasarkan lima (5) indikator utama iaitu Industry Income, International Outlook, Citation, Teaching dan Research," katanya pada majlis penyerahan simbolik THE World University Ranking 2023, di Pejabat Naib Canselor, Bangunan Canselori, UMK Bachok, pada 13 Oktober 2022.

15 daripada 22 universiti di Malaysia. Keputusan ini merupakan pencapaian julung-julung kalinya bagi UMK di peringkat antarabangsa sekali gus merekodkan pencapaian terbaik UMK dalam buat julung-julung sejarah antarabangsa. Pengiktirafan ini amat membanggakan dan membuktikan bahawa UMK telah berjaya meletakkan universiti di peringkat antarabangsa. "Merujuk kepada penarafan tersebut, UMK diukur berdasarkan lima (5) indikator utama iaitu Industry Income, International Outlook, Citation, Teaching dan Research," katanya pada majlis penyerahan simbolik THE World University Ranking 2023, di Pejabat Naib Canselor, Bangunan Canselori, UMK Bachok, pada 13 Oktober 2022.

15 daripada 22 universiti di Malaysia. Keputusan ini merupakan pencapaian julung-julung kalinya bagi UMK di peringkat antarabangsa sekali gus merekodkan pencapaian terbaik UMK dalam buat julung-julung sejarah antarabangsa. Pengiktirafan ini amat membanggakan dan membuktikan bahawa UMK telah berjaya meletakkan universiti di peringkat antarabangsa. "Merujuk kepada penarafan tersebut, UMK diukur berdasarkan lima (5) indikator utama iaitu Industry Income, International Outlook, Citation, Teaching dan Research," katanya pada majlis penyerahan simbolik THE World University Ranking 2023, di Pejabat Naib Canselor, Bangunan Canselori, UMK Bachok, pada 13 Oktober 2022.

yang telah diumumkan keputusannya di New York, Amerika Syarikat, semalam. Penarafan antarabangsa ini amat signifikan dengan pencapaian universiti sempena dengan ulangtahun sambutan ke 16 UMK pada September lalu.


Naib Canselor UMK, Prof. Dr. Razli Che Razak berkata, Times Higher Education (THE) World University Ranking 2023 dalam kenyataannya mengumumkan UMK berada di kedudukan 1201-1500 daripada 1799 institusi pengajian tinggi dunia.



04 OKTOBER 2022



THE RISING STAR TALK



KURSUS IMEJ KETERAMPILAN  
PROFESSIONAL BERSAMA  
CUTE CARRY

10 OKTOBER 2022



**UMK RISING STAR**  
**KURSUS Imej KETERAMPILAN PROFESSIONAL**  
 BERSAMA  
*Cute Carry*  
 PERUNDING IMEJ PROFESSIONAL

- Tarikh : 10.10.2022
- Masa : 9.30pagi
- Bilik Seminar 1, Tingkat 2, Bangunan Canselori, UMK BACHOK

Anjuran :  
 BAHAGIAN PENERBITAN DAN PENARAFAN (PRD),  
 PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (RMIC)

## IVL' START UP TALK SEMPENA IVL START UP OPEN DAY

12 DISEMBER 2022 | Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD) dengan kerjasama

program yang mempromosikan fungsi dan peranan IVL dalam aktiviti keusahawanan pelajar yang berteraskan inovasi dan teknologi.

Kelantan, Encik Mohd Awaliff bin Che Hassan, Eksekutif Tekun Nasioal dan Puan Huda Alhana Ali, Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia Cawangan Kelantan turut dijemput hadir bagi mewujudkan kerjasama yang strategik antara universiti dengan industri dan agensi luar.



Perasmian IVL's Startup Open Day 2022 ini telah disempurnakan oleh Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan turut dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Mohd Nor Hakim bin Yusoff selaku Pengarah Kanan, UMKEI. Pada program ini, En. Azleen Abdul Rahim, Pegawai Eksekutif 300th, Encik Nazreen Hamad Dani, Pengarah SME Corporation cawangan



Ignite Venture Lab (IVL) telah mengadakan Start-up Talk: Roles of Academia in the World of Startups bersempena IVL's Startup Open Day 2022 iaitu satu

### PROGRAM PENYERTAAN ICD

**BORNEO INNOVATION FESTIVAL (BIF) 2022**

**12 OKTOBER 2022**

**MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOAL (MTE SDG) 2022**

**21 OKTOBER 2022**

**INTERNATIONAL RESEARCH AND INNOVATION SYMPOSIUM AND EXPOSITION (RISE) 2022**

**26 OKTOBER 2022**

**INVENTION, INNOVATION & DESIGN EXPOSITION (IIDEX) 2022**

**21 - 25 NOVEMBER 2022**

## MAJLIS MAKAN MALAM CELCOM BUSINESS TECH WEEK 2022

11 OKTOBER 2022 | Satu Sesi Majlis Ramah Mesra bersama CELCOM telah diadakan di Puncak Gamelan, Primula Beach Hotel, Terengganu sempena menghadiri Majlis Makan Malam Celcom Business Tech Week bersama semua industri, Agensi Kerajaan dan Universiti Awam bagi membincangkan potensi kerjasama dalam penyelidikan. Wakil UMK yang hadir pada sesi makan malam tersebut adalah Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdulah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan Ts. Dr. Sharizal Ahmad Sobri, Pengarah Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC).



## PELANTIKAN SEBAGAI FELO CEO@FACULTY PROGRAMME 2.0: COACHED BY THE PROS 2022

1 DISEMBER 2022 | Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) merakamkan ucapan tahniah kepada Dr. Noor Raihani Bt. Zainol dan Prof. Madya Ts. Dr. Tan Tse Guan atas pelantikan sebagai Felo CEO@Faculty Programme 2.0: Coached by The Pros 2022. YBrs. Dr. Noor Raihani Bt. Zainol menjalani program sangkutan di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), manakala Prof. Madya Ts. Dr. Tan Tse Guan ditempatkan di Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd. Program ini akan dilaksanakan selama enam (6) bulan bermula pada 1 Disember 2022 sehingga 31 Mei 2023. Semoga kejayaan ini dapat memberikan semangat kepada semua warga UMK untuk lebih berjaya sekaligus dapat melonjakkan nama UMK ke peringkat yang lebih tinggi.



## SESI PERBINCANGAN PETRONAS AKADEMA COLLABORATION DIALOGUE



6 DISEMBER 2022 | Sesi dialog antara UMK dengan pihak PETRONAS telah diadakan di Primula Beach Hotel, Terengganu bagi membincangkan potensi kerjasama dalam penyelidikan. Sesi dialog ini juga dihadiri oleh wakil dari UniSZA, UMT, UMP

dan DRB-HICOM University of Automotive Malaysia. Melalui sesi tersebut, pihak PETRONAS amat menggalakkan penyertaan dari semua universiti awam untuk bekerjasama dalam melaksanakan penyelidikan yang telah disenaraikan oleh pihak PETRONAS terhadap bidang keutamaan mereka. Tarikh akhir penghantaran kertas cadangan penyelidikan adalah pada 31 Disember 2022 dan sekiranya projek dipilih, ketua penyelidik perlu membentangkan

cadangan projek penyelidikan pada pengurusan tertinggi PETRONAS. Wakil UMK yang hadir pada sesi dialog tersebut adalah Ts. ChM. Dr. Abdul Hafidz Yusoff, Pengarah RMD, dan Ts. Dr. Sharizal Ahmad Sobri CEng MIET, Pengarah Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC).



## IKON JUTAWAN ALUMNI UMK TANDATANGANI MOU KERJASAMA STRATEGIK DENGAN UMK



Universiti Malaysia Kelantan telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan sebuah syarikat yang sedang melakar nama di persada negara menerusi pengeluarproduk susu kesihatan iaitu TDC Holding Sdn.Bhd. UMK yang diwakili oleh Naib Canselor iaitu Profesor Dato' Dr. Razli bin Che Razak manakala TDC Holding Sdn.Bhd diwakili Ketua Pegawai Eksekutif iaitu Saudara Hafiz Hiew Abdullah. Majlis tandatangan ini berlangsung di Pejabat Urusan TDC Holding di Cheras, Selangor

yang turut memberi fokus kepada program pembangunan keusahawanan pelajar UMK, membantu peningkatan kebolehpasaran graduan UMK menerusi penyediaan latihan dan program mentor mentee dalam kalangan pelajar serta peluang pekerjaan oleh pihak syarikat TDC Holding. Dengan julung kalinya Jutawan Alumni UMK kembali ke kampus sudah pastinya akan memberikan nafas baharu kepada bakal-bakal graduan kelak dalam mencorak masa hadapan terutamanya dalam bidang keusahawanan.

Menerusi kerjasama ini, sudah pastinya akan membuka banyak peluang kepada kedua-dua pihak dalam memastikan kelangsungan tanggungjawab

sosial kepada masyarakat kampus terus dipenuhi. Majlis ini turut dihadiri oleh Profesor Dr. Mohammad bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) bersama Dr. Mohd Fadhil bin Mohd Yusof, Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya dan Alumni Universiti Malaysia Kelantan.



## PENANAMAN ROCK MELON MENGUNAKAN KAEDAH FERTIGASI

01 OKTOBER 2022 | ATP telah menjalankan aktiviti penanaman rock melon dari variti 'glamour' sebanyak 300 pokok dengan menggunakan kaedah fertigasi. Tanaman ini telah dituai pada hujung bulan Disember 2022 dengan hasil penajaan sebanyak RM 810.00.



## LAWATAN JAWATANKUASA DEKORASI MAJLIS KONVOKESYEN KE NURSERI

05 OKTOBER 2022 | Jawatankuasa Induk Dekorasi Majlis Konvokesyen telah mengadakan lawatan ke nurseri ATP bagi tujuan pemilihan pokok-pokok hiasan dalaman untuk hiasan sempena Majlis Konvokesyen UMK kali ke-12 yang akan diadakan pada November 2022.



## PROJEK PENANAMAN DURIAN PLOT KOMERSIAL

10 OKTOBER 2022 | ATP telah berjaya melaksanakan projek penanaman durian seluas tiga (3) ekar melibatkan penanaman pokok durian sebanyak 100 pokok yang terdiri dari tiga (3) jenis klon (Musang King-DI97, Duri Hitam-D200, Hjh. Hasmah-D168) yang bermutu tinggi.



## KERJA-KERJA MENGANGKUT TANAMAN NURSERI BAGI HIASAN DEKORASI KONVOKESYEN UMK

21 NOVEMBER 2022 | Seramai 30 orang pelajar dan 6 orang pensyarah dari Fakulti Senibina & Ekistik telah terlibat secara langsung terhadap gubahan hiasan dalaman bagi Majlis Konvokesyen UMK kali ke -12. Nurseri ATP telah dipilih sebagai pembekal utama terhadap penyediaan tanaman hidup untk majlis konvokesyen tersebut. Hasil daripada bekalan tersebut, pihak ATP telah Berjaya menjana pendapatan sebanyak RM12,000.00.



## KELAHIRAN ANAK KAMBING BAKA JAMNAPARI DI ATP

3 DISEMBER 2022 | ATP telah menerima kelahiran dua ekor (2) anak kambing baka jamnapari di Ladang ATP 2 UMK Jeli. Anak kambing yang baru dilahirkan itu berada dalam keadaan sihat dan cergas. Jantina bagi kedua-dua anak kambing tersebut adalah jantan.



## PROGRAM 'BIODIVERSITY EXPLORACE 2022'

17 DISEMBER 2022 | Program 'Biodiversity Explorace 2022' telah diadakan di Agro Techno Park. Program ini dianjurkan oleh Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) melibatkan 200 orang pelajar dari pelbagai program. Program ini merupakan salah satu aktiviti pantaksiran berterusan bagi Kursus EFT1023 (Biodiversiti).



# PERSEMBAHAN GENDANG KECAPI

8-9 NOVEMBER 2022 | Persembahan Gendang Kecapi daripada En. Aswawi Bin Isa, Pengarah Creative Techno Park (CTP) bersama-sama pelajar UMK di Lobi Kementerian Pengajian Tinggi.



# BENGGKEL PEMBUATAN PERABOT BERASASKAN BULUH

9-11 DISEMBER 2022 | Penganjuran Bengkel Pembuatan Perabot Berasaskan Buluh di Laman Eksperimental UMK Bachok.





## TAKLIMAT **APLIKASI KEPINTARAN BUATAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN** BERSAMA LATTEL ROBOTICS

19 OKTOBER 2022 | Satu taklimat berkaitan aplikasi kepintaran buatan dalam pengajaran dan pembelajaran bersama Lattel Robotics telah diadakan di makmal IR4.0 Competence Centre, Universiti Malaysia Kelantan Kampus Kota. Taklimat ini bertujuan memberi pengenalan AI serta robotik dalam pembelajaran dan pengajaran bagi memberi pemahaman dan peluang kolaborasi.



## **THE 6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON ADVANCES IN ARTIFICIAL INTELLIGENCE (ICAAI 2022)** DAN **THE 3RD INTERNATIONAL CONFERENCE ON EDUCATION AND ARTIFICIAL INTELLIGENCE TECHNOLOGIES (EAIT 2022)**

21-23 OKTOBER 2022 | Dr. Mohammad Akmal bin Remli merupakan salah seorang Jawatankuasa Persidangan The 6th International Conference on Advances in Artificial Intelligence (ICAAI 2022) dan The 3rd International Conference on Education and Artificial Intelligence Technologies (EAIT 2022).



## CLOUD ACADEMY DAY AT UMK SEMPENA PECIPTA'22



2 NOVEMBER 2022 | Jabatan Sains Data (JSD) dan Institut Kepintaran Buatan dan Data Raya (AIBIG) telah menganjurkan program Cloud Academy Day bersama Alibaba

Cloud. Program tersebut adalah bersempena dengan Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2022 yang berlangsung pada 1-3 November 2022 di UMK Bachok. Melalui program Cloud Academy Day, pelajar dapat mempelajari Jabatan Sains Data (JSD) dengan lebih lanjut mengenai Alibaba Cloud dan bagaimana ia menyokong semua perniagaan Alibaba Group. Pelajar juga dapat mempelajari bagaimana

untuk mengaktifkan sendiri Elastic Compute Service (ECS) di Alibaba Cloud dan dapat mengumpul mata untuk pertandingan MY Digital Talent in U.



## PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT - "DECEMBER MEAL"





1-18 DISEMBER 2022 | Jabatan Sains Data (JSD) dan Institut Kepintaran Buatan dan Data Raya (AIBIG) telah menganjurkan Program Khidmat Masyarakat yang dinamakan "December Meal". December Meal adalah program pemberian makanan percuma kepada pelajar di UMK Kampus

Kota.



## HANDS-ON WORKSHOP ON DATA ANALYTICS AND MACHINE LEARNING USING PYTHON

5-8 DISEMBER 2022 | Kursus ini telah diadakan secara atas talian yang telah dihadiri seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, pensyarah dan industri. Kursus ini bertujuan memberi pengenalan kepada peserta berkenaan Bahasa pengaturcaraan Python secara 'hands-on', memberi pendedahan berkaitan konsep dan aplikasi sains data/analisis data menggunakan pakej – pakej Python. Panel jemputan adalah Ts. Dr. Mohd Zamri bin Osman dari Universiti Malaysia Pahang.



## KUNJUNGAN DARI INSTITUTE FOR INDIGENOUS STUDIES (BORIIS), UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) KE INSPEK

02 OKTOBER 2022 | InsPeK Kemiskinan (InsPeK) iaitu telah menerima Kunjungan Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal delegasi dari Institute for bin Wan Ismail. Tujuan utama Indigenous Studies (BorIIS), kunjungan ini adalah untuk UMS yang diketuai oleh membincangkan dengan lebih Prof. Madya Dr. Normah Latif serius kerjasama antara InsPeK- (Pengarah BorIIS UMS) dan BorIIS berkaitan penyelidikan, disambut oleh Pengarah Institut pembinaan kapasiti, penerbitan Penyelidikan dan Pengurusan dan pertukaran kepakaran.



## TRAINING OF TRAINERS (TOT) BAGI PROGRAM BASMI KEMISKINAN TEGAR KELUARGA MALAYSIA (BMTKM) DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

29 – 30 OKTOBER 2022 | TOT dilaksanakan adalah untuk Training of Trainers (TOT) bagi memberikan latihan penggunaan Program Basmi Kemiskinan instrumen Pemetaan Tegar Keluarga Malaysia Kemiskinan 360 Darjah dan (BMTKM) di Universiti Malaysia instrumen Kelestarian BMTKM Sabah (UMS). InsPeK telah (Pemantauan). Selain itu, mengadakan latihan (TOT) TOT ini juga akan memberikan kepada penyelidik dan pendedahan untuk menggunakan enumerator dari Universiti Rakan pangkalan data dan sistem Strategik BMTKM iaitu Universiti pemantauan khas iaitu sistem Malaysia Sabah (UMS). Tujuan iBOX BMTKM.



## TRAINING OF TRAINERS (TOT) BAGI PROGRAM BASMI KEMISKINAN TEGAR KELUARGA MALAYSIA (BMTKM) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

08 – 09 NOVEMBER 2022 | adalah untuk memberikan Training of Trainers (TOT) bagi latihan penggunaan instrumen Program Basmi Kemiskinan Pemetaan Kemiskinan 360 Tegar Keluarga Malaysia Darjah, instrumen kelestarian (BMTKM) di Universiti Teknologi BMTKM (Pemantauan) dan Malaysia (UTM) Johor. InsPeK Persediaan sebelum dan telah mengadakan latihan (TOT) semasa di lapangan. Selain kepada penyelidik, pegawai itu, TOT ini juga memberikan penyelidik dan pembantu pendedahan untuk menggunakan penyelidik dari Universiti Rakan pangkalan data dan sistem Strategik BMTKM iaitu Universiti pemantauan khas iaitu sistem Teknologi Malaysia (UTM). iBOX BMTKM. Tujuan TOT dilaksanakan



## KUNJUNGAN SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI (SPE), UPM KE INSPEK



11 DISEMBER 2022 | kemiskinan, kesejahteraan InsPeK telah menerima dan perlindungan sosial Kunjungan Siswa Kursus komuniti miskin. Selain Ekonomi Malaysia itu, pihak SPE juga telah yang diketuai oleh Dr. melawat Inkubator InsPeK Muhammad Daaniyall bin di SNL Tok Bali iaitu Abd Rahman (Pensyarah FOOD-i untuk melihat Kanan SPE, UPM). Tujuan dengan lebih dekat utama kunjungan ini adalah perusahaan ikan lunak dan untuk mengetahui lebih pes yang telah diusahakan lanjut tentang gerak kerja oleh usahawan KUNITA di serta hasil kajian berkaitan inkubator tersebut.

## LAWATAN PENANDA ARAS KE HICOE INSTITUT PENYELIDIKAN PERAKAUNAN (ARI) DI UITM SHAH ALAM, SELANGOR



13 DISEMBER 2022 | oleh Prof. Dr. Jamaliah InsPeK telah mengadakan binti Said (Pengarah ARI). lawatan penanda aras Tujuan lawatan ini adalah ke HiCOE, Institut untuk mendapatkan Penyelidikan Perakaunan perkongsian dan tunjuk (ARI), UiTM Shah Alam ajar daripada ARI berkaitan yang diketuai oleh Prof. Dr. HiCOE dan peluang Wan Ahmad Amir Zal bin kolaborasi InsPeK-ARI Wan Ismail dan disambut berkaitan komuniti Miskin.

## TRAINING OF TRAINERS (TOT) BAGI PROGRAM BASMI KEMISKINAN TEGAR KELUARGA MALAYSIA (BMTKM) DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



14 - 15 DISEMBER 2022 | Tujuan TOT dilaksanakan Training of Trainers (TOT) adalah untuk memberikan bagi Program Basmi latihan dan pendedahan Miskin Tegar Malaysia di penggunaan instrumen Universiti Malaysia Pahang pemetaan kemiskinan (UMP) Kampus Gambang. 360 Darjah dan instrumen InsPeK telah mengadakan kelestarian Program Basmi latihan (TOT) kepada Miskin Tegar Malaysia penyelidik Universiti (Pemantauan). Malaysia Pahang (UMP).

## JALINAN KOLOBRASI ANTARA IFSSA DAN NEO BIOTECH LIMITED



05 OKTOBER 2022 | IFSSA telah menerima kunjungan daripada syarikat Neo Biotech Limited bagi membincangkan potensi jalinan kolaborasi antara kedua-dua organisasi. Neo Biotech Limited ini diwakili oleh En Badzlan Bakar selaku COO dan juga Puan Imany Yusoh selaku CEO syarikat. IFSSA pula diwakili oleh Ts. Dr. Maryana binti Mohamad Nor selaku Pengarah dan Ts. Nor Dini binti Rusli sebagai Felo Bersekutu.

## GERAN PADANAN ANTARA IFSSA DAN INSAT



Ts. Dr. Suganthi Appalasaamy telah berjaya memperoleh peruntukan berjumlah RM40,000.00 bagi projek penyelidikan kerjasama bertajuk “Smart Halia App” antara IFSSA dan Institut Agroteknologi Lestari (INSAT), Universiti Malaysia Perlis (UniMaP). Manakala Encik Mohd bin Mahmud@Mansur telah berjaya memperoleh peruntukan berjumlah RM40,000.00 bagi projek penyelidikan kerjasama bertajuk “Sistem Penanaman Strawberi Tanah Rendah Pintar (StraP)” antara IFSSA dan Institut Agroteknologi Lestari (INSAT), Universiti Malaysia Perlis (UniMaP).

## MAJLIS PENGURIAAN BANTUAN ASNAF DAN MANGSA BANJIR JAJAHAN JELI



OKTOBER 2022 | IFSSA turut sama menyertai pameran produk UMK bersempena dengan Majlis Pengurniaan Bantuan Asnaf dan Mangsa Banjir Jajahan Jeli. Majlis pengurniaan ini disempurnakan oleh YMM Raja Perempuan Tengku Anis binti Al-Marhum Tengku Abdul Hamid bersama YBhg. Che Puan Sofie Louise Johansson. IFSSA yang diwakili oleh Encik Mohd Hafizi, Cik Nivaarani dan Cik Aiza Zamri mempamerkan produk berasaskan halia hitam dan kunyit hitam serta teh kenaf.

## PENYERTAAN DALAM PERSIDANGAN DAN EKSPLO CIPTAAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ANTARABANGSA TAHUN 2022 (PECIPTA'22)



1-3 NOVEMBER 2022 | IFSSA, turut menyertai PECIPTA'22 bagi kategori Strategic Innovation Initiative (Si<sup>2</sup>) dengan membawa Innovation and Entrepreneur Incubation Centre (IEIC). Selain itu, Felo Penyelidik IFSSA Ts. Dr. Suganthi Appalasaamy dan Cik Nivaarani Arumugam turut berjaya meraih pingat emas dalam projek inovasi yang bertajuk “Termicide: NanoRepellent for Household Pest Termite”

## 2022 YSN-ASM CHRYSALIS AWARD



23 NOVEMBER 2022 | Cik Nivaarani A/P Arumugam, Pegawai Penyelidik IEIC telah memenangi tempat ke-3 dalam pertandingan 2022 YSN-ASM Chrysalis Award dengan tajuk Graco Tech : Grain Corn Solution. Selain itu, beliau dan pasukannya telah meraih anugerah Pasukan dan Poster terbaik di dalam pertandingan tersebut.

## INVENTION, INNOVATION & DESIGN EXPOSITION (IIDEX2022)



Penglibatan Felo Penyelidik IFSSA, Ts. Dr. Suganthi Appalasaamy, dengan tajuk penyelidikan Termicide : Nano Solution for Urban Termite Control. Turut serta juga Prof. Madya Dr. Khairiyah dan pasukan Ts. Dr. Nor Dini Rusli dengan tajuk penyelidikan Agrowaste Poultry Feed. Kedua-dua Felo Penyelidik IFSSA telah dianugerahkan Pingat Emas bagi penyelidikan masing-masing.

## PLOT PENANAMAN KENDIRI

9 DISEMBER 2022 | IFSSA dengan kerjasama komuniti Kg. Merapoh telah memperkenalkan Plot Penanaman Kendiri (Plot for Self-Sustainability) yang merangkumi Plot Sayur dan Tanaman Herba Komuniti. Projek ini merupakan hasil usahasama di antara IFSSA, UMK dan Malayan Rainforest Station (MRS) dan dibiayai sepenuhnya oleh geran Global Environment Facility (GEF). Projek ini merupakan satu inisiatif bagi melatih dan mendidik komuniti tentang kaedah penanaman organik tanpa menggunakan bahan kimia sesuai dengan konsep sekuriti makanan. Tanaman yang ditanam adalah seperti halia hitam, kobis, sawi dan terung ini mampu meningkatkan jaminan makanan sesebuah keluarga, di samping dapat membantu menjana pendapatan hasil dari penjualan sayur-sayuran tersebut.

## PERKIN-ELMER ICP-MS TRAINING



5-8 DISEMBER 2022 | Latihan ini dihadiri oleh wakil tenaga pengajar dari Perkin Elmer, Miss Elisha dan beberapa orang staf UMK serta pegawai penyelidik IEIC. Latihan ini merangkumi konsep dan teori serta cara-cara mengendalikan ICP-MS. ICP-MS ini dijangka akan mula beroperasi secara rasminya pada 1 Januari 2023 dan akan membantu secara langsung dalam penjaan pendapatan IEIC. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti membuat analisis berkaitan herba, unsur nadir bumi (REE), kosmetik dan sebagainya.







UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Universiti Malaysia Kelantan, Bachok  
16300 Bachok, Kelantan

Tel : +609-7797000  
Email: [tncpi@umk.edu.my](mailto:tncpi@umk.edu.my)